

# Bahaya ketagihan layari Internet

Oleh Nur Najihah Dzulkefli

**Perkembangan** teknologi era ini amat pesat hingga manusia terutama di kalangan remaja terlalu obses hingga membimbangkan ramai pihak selain turut menyumbang punca kejahatan moral.

Remaja zaman kini terlalu fanatik dengan pelbagai gajet canggih seperti Internet, telefon pintar dan penggunaan Facebook hingga memberi impak negatif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Antara impak paling ketara adalah komunikasi dalam kalangan masyarakat semakin pudar kerana taksu dengan teknologi

setiap masa.

Statistik yang diperoleh daripada Internet World Statistic 2011 menunjukkan Malaysia di tangga ketiga dengan 31.2 peratus dan seramai 8,163,300 orang daripada populasi rakyat negara ini berdaftar sebagai ahli Facebook.

Ketaksu pengguna laman Facebook juga boleh memberi implikasi negatif kerana dalam jangka masa panjang boleh menyebabkan ketagihan.

Seorang pensyarah Universiti Oxford, Dr Susan Greenfield menyatakan obsesi melampau melayari Internet laman sosial dan permainan komputer boleh menjejaskan fungsi otak. Ketagihan ini bo-

leh merubah otak dengan menjejaskan tumpuan dan mengurangkan aspek kepantasan reaksi atau rasa empati.

Individu boleh menjadi seorang yang dingin, tidak peka atau tidak sensitif dengan perasaan orang lain disebabkan fungsi otak mereka yang diubah kerana terlalu asyik dengan komputer.

Penyakit obses ini seumpama wabak penyakit yang jika tidak dikawal dan dirawat akan menjadi barah kepada masyarakat, sekali gus meruntuhkan masa depan negara.

Generasi muda adalah harapan dan penentu masa depan, justeru mereka perlu dilatih dan diasuh sebaik

mungkin sebagai persediaan untuk memimpin sebuah negara yang bakal men-corakkan landskap jangka panjang.

Jika rosak akhlak, bermakna pemimpin negara yang akan datang juga terdiri daripada mereka yang tidak berkualiti dan tidak bermoral.

Obsesi ini dikatakan bermula dari rumah selain sikap ibu bapa yang seolah-olah menyokong dengan alasan untuk mengikuti perkembangan teknologi.

Akhirnya, jarak perhubungan semakin jauh kerana kurangnya komunikasi keluarga berbanding berkomunikasi dengan gajet.

Untuk mengelakkan se-

nario ini menjadi semakin membimbangkan, remaja perlu digalakkan untuk membabitkan diri dalam perkara yang boleh memberi manfaat seperti pembabitan dalam kokurikulum selain aktiviti luaran yang mendekati mereka dengan masyarakat.

Diakui, dari segi psikologi ia adalah cara terbaik untuk mengelak remaja obses dengan alat teknologi, selain mempertingkatkan nilai sosial atau nilai kemanusiaan dalam alam realiti.

Kajian membuktikan tubuh manusia akan lemah sekiranya terlalu lama didampingi peralatan teknologi masa kini. Sekiranya kita masih lagi ti-

dak mengubah cara hidup untuk lebih sihat, hal ini akan mendatangkan mudarat kepada generasi akan datang.

Kurangkan beriadah secara 'maya', lebihkan interaksi secara realiti serta mengamalkan gaya hidup yang sihat. Mencegah lebih baik daripada merawat.

● *Penulis mahasiswa tahun tiga Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia.*

● *Warga kampus yang ingin berkongsi penulisan mengenai isu semasa, boleh menghantarnya ke ruhaizarusmin@hmetro.com.my atau rencana@hmetro.com.my*